



## KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

### GARIS PANDUAN PERMOHONAN BAHRU LESEN PEMANDU PELANCONG ALAM SEMULAJADI SETEMPAT (TAHAP 2)

#### 1. SYARAT PERMOHONAN

- a) **Warganegara** : Warganegara Malaysia (Pemegang MyKad).
- b) **Kelayakan** : Telah menjalani kursus dan latihan serta lulus ujian-ujian kecekapan yang diperakuan oleh Pesuruhjaya Pelancongan atau mana-mana badan yang diberikan kuasa secara bertulis oleh Pesuruhjaya Pelancongan.
- c) **Umur** : Telah mencapai umur lapan belas (18) tahun pada tarikh permohonan dibuat.
- d) **Kesihatan** : Sihat dari segi fizikal, mental dan bebas daripada sebarang penyakit berjangkit.
- e) **Kelakuan** : Tiada rekod jenayah.
- f) **Ahli Persatuan** : Pemandu Pelancong perlu menjadi ahli kepada mana-mana Persatuan Pemandu Pelancong.

- g) Permohonan lesen baru Pemandu Pelancong Alam Semulajadi Setempat (Tahap 2) hendaklah dikemukakan dalam tempoh **tiga (3) bulan** daripada tarikh surat kelulusan Kursus Pemandu Pelancong Alam Semulajadi Setempat (Tahap 2) yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Industri, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) kepada Bahagian Pelesenan Pelancongan, MOTAC.
- h) Permohonan hendaklah dibuat secara **dalam talian** melalui [www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my) dan turut mengemukakan salinan dokumen sokongan.
- i) Pemohon perlu menyelesaikan **urusan serahan, bayaran dan cetakan lesen dalam tempoh 30 hari** dari tarikh surat pemakluman kelulusan lesen. Sekiranya Pemandu Pelancong berkenaan gagal menyelesaikan urusan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, **kelulusan adalah terbatal dan permohonan pembaharuan baru hendaklah dibuat.**
- j) Tempoh sah lesen adalah **tiga (3) tahun.**

**Nota:**

Pemandu Pelancong Alam Semulajadi Setempat (Tahap 2) **hanya boleh menjalankan pemanduan di kawasan yang tertera pada kad sahaja (Zon).**

**2. DOKUMEN SOKONGAN:**

- a) **Satu (1) keping gambar berwarana** berukuran **pasport terkini**;
- b) **Satu (1) salinan kad pengenalan** yang **berwarna** (Mykad);
- c) **Satu (1) salinan surat akuan kesihatan terperinci** daripada Pegawai Perubatan berlesen dan bertauliah;
- d) **Satu (1) salinan surat pemberitahuan** bahawa pemohon telah **menjalani dan lulus Kursus Pemandu Pelancong Alam Semulajadi Setempat (Tahap 2)**;
- e) **Satu (1) salinan Sijil Kursus Pemandu Pelancong Alam Semulajadi Setempat (Tahap 2)**;
- f) **Surat kebenaran Ketua Jabatan** sekiranya pemohon merupakan Kakitangan Kerajaan/Badan Berkanun yang sedang berkhidmat.

**Nota:**

Pegawai yang masih berkhidmat di Bahagian Pelesenan Pelancongan, MOTAC ataupun Pejabat MOTAC Negeri, adalah tidak dibenarkan untuk berkhidmat sebagai Pemandu Pelancong.

### **3. FI YANG PERLU DIBAYAR**

- a) **Fi pemprosesan** sebanyak **RM10.00** dikenakan bagi permohonan yang dikemukakan. Bayaran boleh dibuat dalam bentuk Bank Deraf/Kiriman Wang/Wang Pos atas nama **Pesuruhjaya Pelancongan** atau bayaran secara atas talian ([www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my)); **dan**
- b) **Fi lesen** sebanyak **RM50.00 (setahun)** hendaklah dikemukakan apabila permohonan diluluskan dalam bentuk Bank Deraf/Kiriman Wang/Wang Pos atas nama **Pesuruhjaya Pelancongan** atau bayaran secara atas talian ([www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my)).

**Nota:**

Nama pemohon, nombor kad pengenalan dan nombor telefon hendaklah ditulis dengan terang dan jelas di belakang Bank Deraf/Kiriman Wang/Wang Pos berkenaan.

### **4. PIAGAM KELULUSAN**

**5 hari bekerja** apabila bayaran fi pemprosesan telah dibayar dan permohonan lengkap, teratur serta sempurna diterima daripada pemohon melalui SPIP kepada Pejabat MOTAC Negeri ataupun Ibu Pejabat.

### **5. TARIKH KUAT KUASA**

Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa mulai **30 Jun 2021**.